

Jalan mendap sudah dibaiki M14/2/17

Kuantan: Penduduk Taman Perumahan Bukit Rangin 2, di sini, bimbang apabila berdepan risiko nahas akibat jalan rosak dan mendap di kawasan itu sejak akhir tahun lalu.

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) taman berkenaan Khalil Anwar, 32, berkata, mendapan jalan itu

mungkin berpunca daripada struktur pembentung pada jalan berkenaan yang terjejas susulan banjir, baru-baru ini.

“Selain itu, lori yang keluar masuk di kawasan perumahan bagi projek perumahan fasa tiga memburukkan lagi mendapan jalan berkenaan.

“Jalan itu laluan utama penduduk ke Jalan Kuantan-Bypass. Lubang dan mendapan sudah tentu mengundang musibah jika tidak berhati-hati,” katanya, di sini, semalam.

Khalil berkata, perkara itu dilaporkan kepada pihak berkenaan Januari lalu, tetapi sehingga kini tiada maklum balas positif

“Sebagai alternatif sementara, saya letakkan kon sebagai amaran kepada pengguna ketika melalui kawasan itu,” katanya.

Ketua Seksyen Perhubungan Awam Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) Izad Zainal Muhammad Safian berkata, pihaknya menerima aduan penduduk pada 31 Januari lalu mengenai mendapan jalan di taman berkenaan.

“Bagaimanapun, masalah itu tertakluk di bawah tanggungjawab pemaju. Jadi, pemaju yang perlu membaiki kerosakan itu,” katanya.

Sementara itu, tinjauan Harian Metro mendapati, kerja membaiki kerosakan jalan berkenaan dilakukan pemaju jam 3 petang semalam dan penduduk yang ditemui berharap masalah itu tidak berulang.



JALAN pulih selepas dibaiki pemaju.



PENDUDUK Perumahan Bukit Rangin 2 menunjukkan lubang akibat jalan mendap di laluan utama taman berkenaan.